

*Kertas Ulasan*

## **Keharmonian Masyarakat Melalui Perayaan Rakyat** (*Harmonious Society Through Folk Festival*)

Johan Johnes<sup>1,2</sup>, Rosazman Hussin<sup>2\*</sup> & Trixie Marjorie Tangit<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

<sup>2</sup> Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

\*Pengarang Koresponden: [azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my)

**Abstrak:** Perayaan rakyat merupakan sebuah identiti yang amat penting dalam konteks budaya dan kehidupan sosial sesebuah kumpulan masyarakat. Melalui sambutan perayaan rakyat, usaha untuk memelihara tinggalan nenek moyang mahupun pewujudan tapak integrasi dalam masyarakat dapat dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mendalamai konsep perayaan rakyat yang menjadi kata kunci utama dalam penelitian terhadap konteks hubungan harmoni yang berlaku dalam sesebuah kelompok masyarakat. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Penelitian sumber sorotan literatur adalah berasaskan sumber kepustakaan seperti artikel dalam jurnal, bab dalam buku, buku, laporan kerajaan dan keratan akhbar berkenaan konsep perayaan rakyat. Antara perbincangan menarik yang ditemui oleh pengkaji adalah berkenaan komponen-komponen yang lazimnya terdapat dalam sambutan perayaan rakyat yang ada kaitannya perayaan rakyat dengan sektor-sektor tertentu seperti sektor pelancongan, pertanian, hiburan dan kaitannya dalam pengamalan budaya warisan. Tambahan lagi, kajian ini turut meneliti implikasi sambutan perayaan rakyat terhadap hubungan harmoni antara masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini mampu membantu dalam mengukuhkan lagi asas pemahaman mengenai perayaan rakyat dan hubungan harmoni dalam masyarakat Malaysia.

**Kata kunci:** Keharmonian masyarakat, hubungan harmoni, perayaan rakyat, budaya, kajian literatur.

**Abstract:** Folk festivals is a very important identity in the context of the culture and social life of a group of people. Through the celebration of the folk festival, efforts to preserve the relics of ancestors, as well as the creation of integration sites in society can be done. This study was conducted to deepen the concept of folk festival which is the main keyword in the study of the context of harmonious relations that occur in a society. The research methodology used in this study is a qualitative method through literature reviews that examine library sources such as articles in journals, chapters in books, books, government reports and newspapers on the concept of folk festivals. Among the interesting discussions found by the researcher are about the components that are commonly found in a folk festival celebration as well as research on the relationship between folk festivals and certain sectors such as tourism, agriculture, entertainment and its relevance in the practice of heritage culture. In addition, this study also examines the implications of the celebration of folk festivals on harmonious relations in Malaysia. Therefore, it is hoped that this study can help in further

strengthening the foundation of the understanding of the folk festival and harmonious relationship among plural society of Malaysia.

**Keywords:** Community harmony, harmonious relations, folk festival, culture, literature review.

## Pengenalan

Sebagai sebuah negara yang wujud hasil daripada gabungan pelbagai kaum dan agama, masyarakat Malaysia mempunyai identiti unik sejak penubuhannya pada 16 September 1963 yang melibatkan penggabungan Tanah Melayu, Singapura (berpisah daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965), Sarawak dan Sabah. Keharmonian masyarakat yang telah dibina sejak awal penubuhan Malaysia pada hari ini dilihat masih bertahan walaupun terdapat beberapa peristiwa sentimen perkauman dan politik yang berlaku seperti rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 dan rusuhan Sabah yang berlaku pada tahun 1986 (Bernama, 13 Mei 2019; Jessica, 1990). Menurut Abdul Rahman Embong (2018), perspektif ‘perpaduan dalam kepelbagaian’ adalah perspektif optimis dan berjaya dalam konteks hubungan kaum. Perspektif ini melihat masyarakat sebagai entiti yang terdiri daripada warna-warni manusia dan budaya dengan pelbagai kumpulan etnik yang hidup bersama sekian lamanya seperti di Sabah, Sarawak dan Kelantan pada masa kini (Abdul Rahman Embong, 2018).

Di Sabah misalnya, sambutan perayaan memainkan peranan yang penting dalam keharmonian masyarakatnya. Tarikh 30 dan 31 Mei pada setiap tahun misalnya telah menjadi cuti umum di Sabah sebagai hari sambutan Pesta Ka’amatan bagi seluruh penduduk di negeri ini. Menurut Chali dan Awang Azman (2021), aspek perayaan mempunyai perbezaan motif dan makna merentas zaman kerana kini ia melibatkan penyertaan daripada wakil rakyat, bermotif politik etnik dan penglibatan agensi kerajaan serta badan budaya bagi etnik yang merayakan sesebuah perayaan tersebut. Walau bagaimanapun, fungsi perayaan sebagai tapak integrasi dalam mewujudkan hubungan harmoni dalam masyarakat majmuk memang dapat dilihat amat jelas dalam konteks masyarakat Malaysia. Malah menurut Tan Sri Lee Lam Thye, Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia, “Rakyat Malaysia harus berasa bangga kerana dapat meraikan pelbagai perayaan dalam keadaan aman dan damai” yang sekali gus memberi gambaran bahawa perayaan rakyat berperanan dalam konteks mengukuhkan hubungan harmoni dalam masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia (Berita Harian Online, 27 Januari 2017).

Perayaan ialah suatu peristiwa atau fenomena sosial yang ditemui dalam hampir semua budaya manusia (Falassi, 1987; Chali & Awang Azman, 2021). Menurut McFee dan Baker (2006), di kebanyakan tempat, perayaan memfokuskan kepada beberapa aspek seperti keunikan tempat dan identiti komuniti; meraikan sejarah serantau dan meningkatkan ekonomi serta bertujuan untuk meningkatkan kesedaran etnik atau alam sekitar; menyebarkan penghargaan terhadap cerita rakyat serantau, seni rakyat, muzik dan makanan. Makna perayaan dalam sains sosial hanya diambil daripada bahasa biasa, di mana istilah itu merangkumi gugusan peristiwa yang sangat berbeza, suci dan profan, peribadi dan awam, menyetujui tradisi dan memperkenalkan inovasi, mencadangkan kebangkitan nostalgia, menyediakan cara ekspresif untuk kelangsungan adat resam turun temurun dan meraikan seni halus elit yang sangat spekulatif dan eksperimental (Falassi, 1987; Sharifah Darmia, 2020; Chali & Awang Azman, 2021).

Secara etimologi istilah perayaan berasal dari bahasa Latin iaitu *festum*. Tetapi pada asalnya perkataan ini Latin mempunyai dua istilah iaitu *festum* dan *feria*. *Festum* merujuk kepada kegembiraan umum, keriangan dan pesta pora. Manakala perkataan *feria* pula bermaksud rehat daripada bekerja untuk menghormati Tuhan.

Perkataan yang hampir sama turut digunakan dalam bahasa lain misalnya dalam bahasa Perancis yang menggunakan perkataan *fête* untuk sambutan hari jadi (Dictionnaire de l'Academie Française, 1932). Dalam Bahasa Inggeris kontemporari, perayaan bermaksud (a) masa perayaan yang suci atau tidak suci, yang ditandai dengan perayaan khas; (b) perayaan tahunan seseorang atau acara yang terkenal, atau penuaan produk penting; (c) acara kebudayaan yang terdiri daripada, siri persembahan karya dalam seni halus, selalunya ditumpukan kepada artis atau genre tunggal; (d) pameran; (e) keriangan generik, kemesraan, keceriaan (Kurath & Kuhn, 1952).

Bagi ahli sarjana sains sosial seperti Falassi (1987) mengatakan bahawa takrifan perayaan biasanya bermaksud “acara sosial yang berulang secara berkala di mana, melalui kepelbagai bentuk dan satu siri acara yang diselaraskan, mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dan ke pelbagai peringkat, semua ahli seluruh komuniti, disatukan oleh etnik, linguistik, agama, sejarah, ikatan, dan berkongsi pandangan dunia” (Falassi, 1987). Fungsi sosial dan makna simbolik perayaan berkait rapat dengan satu siri nilai terang-terangan yang diakui masyarakat sebagai penting kepada ideologi dan pandangan dunianya, kepada identiti sosialnya, kesinambungan sejarahnya, dan kepada kelangsungan hidup fizikalnya, yang pada akhirnya menyebabkan sesebuah perayaan tersebut diraihkan (Seligman & Johnson, 1937; Smith, 1972; Turner, 1978).

Terdapat pelbagai jenis perayaan yang disambut dalam kehidupan harian masyarakat, ada di antaranya yang disambut sebagai perayaan keagamaan seperti sambutan perayaan Hari Raya Aidil Fitri bagi masyarakat yang beragama Islam, perayaan yang bersifat memupuk semangat kenegaraan seperti sambutan Hari Kemerdekaan dan pelbagai lagi jenis perayaan lainnya. Salah satu daripada jenis perayaan yang biasanya disambut dalam sesebuah kelompok masyarakat adalah perayaan rakyat atau perayaan masyarakat. Perayaan rakyat telah bertahan merentasi masa baik dan buruk dalam komuniti. Perayaan rakyat bertahan pada masa yang baik untuk meraikan tuah kejayaan serta mengharungi masa yang sukar untuk menguatkan semangat dalam menanti masa hadapan yang lebih baik. Oleh itu, maka tidak hairanlah jika terdapat lagu, tarian, makan, pakaian, pepatah positif dan acara kemasyarakatan yang diwujudkan bagi membolehkan sesebuah perayaan rakyat tersebut lebih diterima dalam kalangan masyarakat. Pada masa kini, perayaan rakyat sudah menjadi sebuah bentuk sambutan perayaan yang menjadi acara tahunan dalam sesebuah komuniti untuk memastikan faaedahnya terus dapat dinikmati oleh generasi baharu.

Justeru itu, dalam penulisan ini pengkaji ingin merungkai soalan sejauh mana pengaruh sambutan perayaan rakyat dalam konteks hubungan harmoni antara etnik melalui fakta dan bukti berdasarkan sorotan literatur. Hal ini demikian kerana bahan bacaan literatur dan pengetahuan am yang boleh dirujuk berkenaan konsep keharmonian masyarakat serta perayaan rakyat adalah agak terhad. Susulan itu, hal ini memerlukan penelitian secara menyeluruh bagi melihat keperluannya dalam menjelaskan tahap kesepaduan sosial dalam masyarakat di sesebuah kawasan khususnya di Malaysia. Kajian literatur ini turut bertujuan untuk memperlihatkan lompong kajian yang memperlihatkan kurangnya kajian berkenaan aspek perayaan rakyat khususnya sebagai satu wadah dalam memupuk perpaduan kaum. Oleh itu, diharapkan kajian ini mampu berkongsi gambaran dan pemahaman yang lebih mendalam berkenaan hubungan harmoni antara etnik di Malaysia; terutamanya kepada ahli masyarakat, pihak berkepentingan dalam usaha mengukuhkan integrasi nasional serta ahli akademik yang menjalankan penyelidikan berkenaan kesepaduan sosial dan perpaduan kaum.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam memperoleh maklumat literatur. Sorotan literatur dilakukan dengan meneliti beberapa platform atas talian seperti Google Scholar, Academia, Researchgate dan SCOPUS. Terdapat beberapa terma khusus yang digunakan untuk mencari bahan literatur yang dirujuk dalam kajian ini, terma tersebut termasuklah perkataan ‘festival’ atau perayaan, ‘folk festival’ atau perayaan rakyat, ‘harmonious relation’ atau hubungan harmoni, ‘ethnic relation’ atau hubungan etnik dan ‘tolerance’ atau toleransi. Sebagai makluman, proses sorotan bahan literatur ini tidak meletakkan sebarang limitasi terhadap tahun penerbitan setiap bahan yang dirujuk. Antara sumber bahan literatur yang dirujuk adalah melalui artikel dalam jurnal, bab dalam buku, buku, laporan kerajaan, laman web rasmi serta melalui keratan akhbar. Ulasan sorotan literatur ini dilakukan untuk tujuan memahami secara lebih mendalam berkenaan konsep perayaan rakyat secara khusus. Kajian ini turut membuat penelitian berkenaan implikasi sambutan perayaan rakyat terhadap hubungan harmoni di Malaysia melalui perbincangan dan pendapat sarjana melalui kajian-kajian lepas yang ditemui.

## Sorotan Literatur

Bahagian ini membincangkan berkenaan konsep perayaan rakyat secara lebih mendalam dengan mengambil kira beberapa sub-topik khusus iaitu berkenaan pendefinisian konsep perayaan rakyat, perbincangan berkenaan motivasi penyertaan dalam perayaan rakyat serta membincangkan kaitan keharmonian masyarakat dalam pelbagai fungsi perayaan rakyat seperti dalam sektor-sektor tertentu seperti sektor pelancongan, pertanian, hiburan dan kaitannya dalam pengamalan budaya warisan dalam sesebuah kumpulan etnik tersebut.

### 1. Konsep Perayaan Rakyat (*Folk festival*)

Menurut Özbilgin dan Mellish (2018), menjelang penghujung abad ke-19 dan semasa separuh pertama abad ke-20, banyak negara baru yang muncul menerima pakai perayaan rakyat sebagai cara untuk menyatakan ideologi kebangsaan mereka. Dari segi sejarah, istilah perayaan rakyat telah digunakan untuk pelbagai acara perayaan. Salah satu rekod penggunaan istilah perayaan rakyat yang terawal ialah merujuk kepada program pendidikan yang dianjurkan pada awal 1900-an di rumah penempatan di Chicago dan New York City (Joe Wilson & Lee Udall, 1982). Acara ini menganjurkan aktiviti perayaan yang biasa disambut dalam kalangan pelbagai kumpulan pendatang. Aktiviti ini bertujuan untuk membantu golongan muda memahami budaya mereka dan untuk mempromosikan upacara dan tradisi masyarakat pendatang semasa di penempatan mereka serta penduduk asal di setiap kawasan kejiranan. Penganjuran ini dijalankan dengan harapan aktiviti tersebut akhirnya boleh memberi inspirasi kepada penggabungan tradisi dalam pembangunan seni negara yang unik (R.T. Wallach, 1906). Malah menurut Brauner (1983), banyak perayaan rakyat awal telah dianjurkan oleh individu yang komited untuk meneruskan dan mempromosikan cerita rakyat serantau, muzik rakyat dan seni rakyat.

Menurut Moe (1977), perayaan rakyat sentiasa menjadi bahagian penting dalam kehidupan masyarakat Amerika dan telah mewakili komponen besar ungkapan tradisional dalam masyarakat, Malah, perayaan rakyat yang popular, sambutannya telah menjadi acara yang penting dalam kehidupan masyarakat. Perayaan rakyat merupakan suatu tempoh masa berkala untuk orang ramai berkumpul dan berinteraksi sebagai upacara dan dalam suasana meriah yang mungkin disambut disebabkan oleh pertukaran satu musim ke musim yang lain, satu peringkat kehidupan ke satu peringkat yang lain atau untuk meraikan satu pencapaian yang kejayaan (Moe, 1977). Dorson (1976) menegaskan bahawa perayaan rakyat merujuk kepada sebuah persempahan sosial

seni rakyat yang mengambil kira elemen adat resam rakyat seperti ritual dan permainan tradisional serta pelbagai aspek budaya material seperti kraf, pakaian, dan masakan. Malah bagi sesetengah perayaan rakyat, ia turut menyediakan peluang untuk pembangunan barang atau produk yang disasarkan secara khusus kepada para pengunjung (Dodds et al., 2019).

Budaya perayaan rakyat mendidik individu dan masyarakat agar mempunyai keupayaan untuk menyatakan rasa solidariti terhadap matlamat penganjuran sesebuah perayaan tersebut (Shchelkina, 2016). Malah, menurut Davis (2010), perayaan rakyat merupakan ekspresi warisan budaya tidak ketara dan satu cara untuk membantu menggalakkan perayaan tradisi dan mengiktiraf pembawa tradisi. Perayaan rakyat berusaha untuk memberi peluang kepada individu dari pelbagai latar belakang untuk berkumpul dan meneroka pelbagai aspek tradisi tertentu. Perayaan rakyat cuba mencapai matlamat pemahaman dan silang budaya seperti yang digalakkan oleh dasar UNESCO mengenai warisan budaya tidak ketara (Davis, 2010). Tambahan lagi, sambutan perayaan rakyat turut dianggap sebagai satu bentuk demokrasi budaya. Misalnya, *Smithsonian Institution's Center for Folklife and Cultural Heritage* di Washington, USA mendefinisikan perayaan rakyat sebagai “satu latihan dalam demokrasi budaya di mana pengamal budaya bercakap untuk diri mereka sendiri, antara satu sama lain, dan kepada orang ramai.”

Tunjang utama sambutan perayaan rakyat adalah sebagai aspirasi untuk mewakili pengetahuan budaya kolektif secara akar umbi (Davis, 2010). Perayaan rakyat membuka peluang untuk pertukaran budaya. Ia merupakan tempat dimana penonton atau pengunjung boleh merasa bebas untuk mengenali dengan lebih mendalam berkenaan tradisi dan pembawa tradisi tertentu. Secara mudahnya, konteks ‘muzium tanpa batas’ wujud semasa perayaan rakyat dianjurkan. Hal ini demikian kerana, sambutan perayaan rakyat merupakan satu jemputan kepada pengunjung untuk mengambil bahagian misalnya untuk mempelajari budaya, menari, berpakaian, bergerak, menyanyi dan berinteraksi dengan pembawa tradisi lain secara terbuka di khalayak umum (Davis, 2010; Wang, 2021).

Davis (2010) menegaskan bahawa keputusan yang dibuat semasa merancang sesebuah perayaan rakyat seharusnya mencerminkan pandangan individu dan komuniti yang berkait rapat atau merupakan pewaris kepada tradisi yang dipamerkan. Proses ini digambarkan sebagai sebuah keperluan semula jadi, secara spontan dan bersifat “*ground up*” yang merujuk kepada penganjuran perayaan dengan memberi perhatian sewajarnya kepada kumpulan tempatan yang mempunyai hubungan dekat dengan perayaan tersebut. Malah, menurut Kurin (1994), perayaan rakyat telah menjadi platform untuk pejuang hak budaya manusia untuk memperoleh kesaksamaan dan menjunjung kepelbagaian budaya yang terdapat dalam sesebuah komuniti tersebut. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada pengukuhan sambutan perayaan rakyat sebagai sebuah entiti yang penting sekali gus memberi dampak dalam pengukuhan hubungan harmoni antara etnik dalam kelompok masyarakat majmuk terutamanya.

## 2. Motivasi penyertaan masyarakat dalam perayaan rakyat

Kruger dan Saayman (2016) mengatakan bahawa motivasi penyertaan ahli masyarakat dalam perayaan rakyat boleh diukur atau dikenal pasti dengan membahagikan jenis pengunjung bagi tujuan pembangunan produk dan promosi pasaran perayaan tersebut. Motivasi merupakan kata terbitan yang berasal dari perkataan motif. Motif boleh ditakrifkan sebagai faktor dalaman yang membangkitkan, menyepadan dan mengarahkan tingkah laku manusia (Iso-Ahola, 1982). Motif dianggap sebagai titik permulaan yang mencetuskan proses membuat keputusan pengunjung dan mengarahkan tingkah laku mereka untuk memenuhi keperluan (Crompton dan McKay, 1997). Maráková et al. (2018) menegaskan bahawa tingkah laku manusia jarang

didorong oleh motif tunggal. Sebaliknya, ia adalah hasil daripada pelbagai motif yang saling berkaitan. Susulan itu, dalam konteks penyertaan masyarakat dalam perayaan rakyat, pelbagai aspek perlu diteliti. Misalnya dalam kajian oleh Crompton dan McKay (1997) mendapati bahawa masyarakat yang menghadiri sesebuah perayaan mungkin diarahkan oleh keinginan untuk mempamerkan gaya budaya, sosialisasi, pendidikan dan pembaharuan.

Malah, Crompton dan Mckay (1997) menegaskan kepentingan memahami motivasi dengan memberikan tiga sebab iaitu; (i) memahami motivasi akan membuka jalan untuk mencipta produk dan perkhidmatan yang lebih baik, (ii) kepuasan dengan pengalaman secara intrinsik berkaitan dengan motif awal dan pengenalpastian motivasi pengunjung adalah kunci untuk memodelkan acara perayaan tersebut untuk memuaskan hati pengunjung, dan (iii) motif mesti dikenal pasti dan diutamakan terlebih dahulu sebelum pemasaran destinasi supaya dapat memahami proses membuat keputusan oleh pengunjung. Sebilangan besar kajian literatur menumpukan pada motivasi peserta perayaan, tahap kepuasan dan niat untuk membuat lawatan ulangan (Báez & Devesa, 2014; Kruger & Saayman, 2016; Maráková et al., 2018). Secara umum, dapatan daripada literatur menunjukkan bahawa dimensi motivasi adalah serupa di semua perayaan; bagaimanapun, komponen dan faktor tertentu mungkin berbeza bergantung pada jenis perayaan rakyat, acara dan pasarnya (Yolal et al., 2012).

Bagi memahami lebih mendalam berkenaan konsep perayaan rakyat, pemahaman berkenaan motivasi penyertaan masyarakat ke sesebuah perayaan perlu diambil kira seperti yang dinyatakan oleh Savinovic et al. (2012). Dimensi penting tersebut termasuklah sokongan komuniti (*community support*), pelepasan diri (*escape*), pengetahuan/pendidikan (*knowledge/education*), makanan/wain/hiburan (*food/wine/entertainment*), kebaharuan (*novelty*), kebersamaan keluarga (*family togetherness*) pemasaran (*marketing*), dan sosialisasi (*socialization*). Namun, bagi menyesuaikan dimensi motivasi tersebut bagi kajian ini yang menjurus kepada kaitan sambutan perayaan rakyat dengan hubungan harmoni antara etnik di sesebuah kawasan, empat (4) dimensi yang dipilih adalah terhad kepada sokongan komuniti (*community support*), kebersamaan keluarga (*family togetherness*) dan sosialisasi (*socialization*) serta faktor persekitaran. Jadual 1 menunjukkan penjelasan berkenaan empat (4) dimensi terpilih bagi motivasi penyertaan ahli masyarakat dalam perayaan rakyat.

Jadual 1. Dimensi motivasi penyertaan dalam perayaan rakyat

<b>Dimensi motivasi</b>	<b>Item/pernyataan kunjungan ke perayaan rakyat</b>
Sokongan komuniti ( <i>Community support</i> )	i. Saya datang kerana rasa bangga dan semangat bermasyarakat. ii. Saya datang untuk menyokong komuniti dan budaya. iii. Saya datang kerana perayaan ini mewujudkan semangat kemasyarakatan dan membuatkan orang berasa gembira.
Kebersamaan keluarga ( <i>Family togetherness</i> )	i. Saya datang untuk meluangkan masa bersama keluarga saya. ii. Saya fikir seluruh keluarga akan menikmatinya. iii. Saya memberi sokongan kepada keluarga saya yang terlibat dalam penganjuran perayaan ini.
Sosialisasi ( <i>Socialization</i> )	i. Saya datang untuk bersama orang yang menikmati perkara yang sama seperti saya. ii. Saya datang untuk bersama orang yang berseronok.

---

Persekitaran (Surrounding)	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Saya datang untuk bersama rakan-rakan saya.</li> <li>i. Saya datang kerana rasa selesa dalam lingkungan masyarakat yang merayakan perayaan ini.</li> <li>ii. Saya datang kerana pengalaman yang baik pada masa lalu.</li> <li>iii. Saya datang kerana kebersihan dan keselamatan semasa berada di perayaan ini.</li> </ul>
-------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---

Sumber: Diubah suai daripada Savinovic et al. (2012).

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa tiga dimensi awal yang dikenal pasti adalah dimensi motivasi yang memberi gambaran terhadap pengaruh sambutan perayaan rakyat terhadap pewujudan hubungan harmoni dalam masyarakat. Misalnya, bagi item sokongan komuniti sebagai dimensi motivasi pengunjung untuk ke sesebuah perayaan rakyat, pernyataan yang diberikan adalah bercirikan elemen pengamalan dan elemen meraihkan kepelbagaian dalam komuniti. Manakala, item dimensi motivasi kebersamaan keluarga pula memberi pernyataan berkenaan bagaimana sesebuah perayaan rakyat menjadi tapak pengukuhan hubungan sosial individu dalam sesebuah keluarga. Malah lebih menarik, di bahagian item sosialisasi sebagai dimensi motivasi untuk mengunjungi sesebuah perayaan rakyat adalah disebabkan faktor keinginan dalam diri individu untuk berinteraksi dengan orang lain melalui aktiviti yang terdapat dalam perayaan tersebut. Tambahan lagi, dimensi persekitaran turut di ambil kira sebagai faktor motivasi dalam diri individu untuk hadir dalam sesebuah perayaan rakyat. Penelitian motivasi penyertaan masyarakat ini penting bagi mengukur sejauh mana sesebuah perayaan tersebut mempengaruhi hubungan harmoni ahli masyarakat di sesebuah kawasan penempatan penduduk.

### 3. Fungsi Perayaan Rakyat dalam Mengukuhkan Keharmonian Masyarakat

Perayaan rakyat mempunyai pelbagai fungsi yang mempunyai kapasiti yang amat besar untuk dijadikan sebagai tapak bagi pengukuhan keharmonian masyarakat. Selain daripada menyumbang kepada pemeliharaan dan pengukuhan warisan budaya, perayaan rakyat turut memberi impak kepada industri ekonomi lain seperti sektor pelancongan yang terdapat di sesebuah kawasan tersebut. Melalui sambutan perayaan rakyat, industri pelancongan boleh terlibat dengan mengambil peluang untuk memperlihatkan keunikan perayaan rakyat yang terdapat di sesebuah kawasan tersebut untuk dipamerkan kepada pelancong. Selain itu, sambutan perayaan rakyat ini turut memberi dampak yang jelas dalam industri hiburan dengan adanya pelbagai bentuk sambutan perayaan rakyat yang dicirikan dengan festival muzik tradisional mahupun muzik moden. Tambahan lagi, perayaan rakyat ini turut menjadi satu bentuk kelaziman dalam industri pertanian tradisional misalnya dalam upacara ritual memulakan pertanian ataupun semasa menuai hasil tanaman. Perkara ini dibincangkan selanjutnya seperti berikut.

#### *Perayaan rakyat dan industri pelancongan*

Perayaan rakyat sebagai produk pelancongan boleh membuka peluang kepada penglibatan pengusaha tempatan dan penyertaan ahli masyarakat setempat dalam aktiviti perayaan tersebut. Jelaslah bahawa perayaan rakyat dan industri pelancongan mempunyai sumbangannya yang tersendiri dalam mengukuhkan hubungan harmoni antara pelbagai etnik. Sambutan perayaan kini telah menjadi popular sebagai aktiviti masa lapang dan dikategorikan sebagai pelancongan bertema (Mair & laing, 2012; Wang, 2021) yang menjadi faktor

penentuan kecekapan perusahaan dalam sesebuah perniagaan pelancongan. Dalam konteks industri pelancongan; memenuhi kehendak pelancong merupakan fokus utama untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan. Justeru, keunikan yang tedapat dalam sesebuah perayaan rakyat perlulah ditonjolkan sepenuhnya agar ianya boleh menjadi produk yang boleh dipasarkan samada sebagai perkhidmatan atau pengamalan yang boleh menjana pulangan pendapatan kepada penduduk tempatan.

Pini dan Gilmore (1998) mencadangkan bahawa elemen ‘pengalaman’ sebagai peringkat ekonomi yang keempat selepas komoditi, barang dan perkhidmatan. Pelancongan berasaskan pengalaman merujuk kepada aktiviti yang mengambil kira pelancong agar mempunyai penglibatan aktif dengan melihat, mendengar, menyentuh dan bertindak secara langsung dalam lawatan mereka termasuk dalam aktiviti perayaan (Lee & Lee, 2019). Malah menurut Ko et al. (2018), pengunjung lebih cenderung untuk membayar lebih untuk pengalaman yang lebih berharga. Dengan adanya pelbagai perayaan rakyat yang terdapat dalam sesebuah komuniti membolehkan industri pelancongan berkembang dengan mampan sekali gus menyumbang pengukuhan hubungan harmoni dalam kalangan penduduk tempatan yang terlibat dengan pelancong. Menurut Dodds et al. (2019), perayaan secara khusus mempunyai identiti wilayah dan destinasi serta fokus budaya yang unik. Dalam ilmu sosiopsikologi, Cialdini (2009) telah memperkenalkan teori *‘the rule of the few’*. Berdasarkan teori ini, orang ramai cenderung untuk membeli barang antik atau barang seperti wain mahal sebagai edisi terhad kerana keterhadan kuantiti barang tersebut. Orang ramai sanggup membeli barang atau pengalaman yang terhad dengan membayar harga lebih tinggi. Kecenderungan sebegini boleh dicapai oleh pelancong sekiranya wujud hubungan harmoni dengan ahli komuniti lokal.

Justeru itu, penganjuran perayaan rakyat yang selalunya hanya dianjurkan secara berkala setahun sekali, pengalaman untuk terlibat dalam sesebuah perayaan tersebut amatlah tinggi dan berharga. Dalam sesebuah sambutan perayaan rakyat, pengalaman yang diperolehi pelancong adalah bersifat luput selepas dihasilkan iaitu pengalaman perayaan tersebut hanya boleh dinikmati semasa perayaan tersebut dijalankan sahaja (Del Barrio et al. (2012). Oleh itu, perayaan rakyat berpotensi tinggi untuk dibangunkan dalam industri pelancongan di Malaysia. Pengekalan kualiti dan pemuliharaan perayaan rakyat sebagai sebuah produk pelancongan secara tidak langsung akan menjadi teladan bagi generasi akan datang untuk terus bersama menjaga hubungan yang harmoni dengan pelancong asing atau dalam kalangan ahli komuniti yang pelbagai kaum demi memartabatkan budaya perayaan rakyat yang mereka warisi.

### *Perayaan rakyat dan industri hiburan*

Keharmonian dalam masyarakat pelbagai kaum memberi ruang kepada pengukuhan sambutan perayaan rakyat melalui industri hiburan. Perayaan rakyat merupakan salah satu elemen yang penting dalam industri hiburan kerana sumbangannya dalam memberi peluang kepada pengembangan bakat serta sumber pendapatan kepada ahli masyarakat yang terlibat dalam penganjurannya. Misalnya melalui penganjuran festival muzik ataupun karya seni pentas seperti persembahan panggung tradisional dan sebagainya biasanya mengambil kira penglibatan ahli masyarakat pelbagai etnik. Berdasarkan penganjuran perayaan rakyat di seluruh dunia, terdapat bahagian besar perayaan rakyat adalah dicirikan dengan muzik rakyat yang disebut sebagai *‘folk music festival’* (Pegg, 2001; Hill & Bithell, 2014; Haapoja, 2017). Justeru itu, perayaan rakyat mempunyai hubungan rapat dengan industri hiburan terutamanya dalam kalangan penggemar muzik tradisional pelbagai kaum dan etnik.

Menurut Kõmmus (2019), muzik rakyat telah digunakan secara sengaja dan tidak sengaja dalam pembinaan dan penafian identiti kelas, kewarganegaraan dan etnik. Misalnya, dalam perbincangan

etnomuzikologi di Eropah, muzik rakyat pada asalnya dikenal pasti sebagai salah satu daripada budaya petani. Kini, banyak perayaan rakyat yang telah diwujudkan untuk memenuhi keperluan pasaran dalam industri hiburan. Penganjuran konsert yang bercirikan muzik rakyat turut diadakan. Dalam konteks industri hiburan, perayaan rakyat melalui muzik rakyat ini telah bertapak lama dalam masyarakat dan mempunyai komunitinya yang tersendiri. Malah ianya memainkan peranan yang penting dalam menyatukan ahli masyarakat yang pelbagai etnik untuk berkumpul menikmati karya-karya muzik rakyat yang unik dan menarik.

Dalam konteks Malaysia misalnya, muzik rakyat ini sudah menjadi bahagian yang wajib dalam acara perayaan rakyat. Ini dapat dilihat, misalnya, dalam persembahan Dikir Barat di Semenanjung Malaysia dan melalui pertandingan Sugandoi atau pertandingan menyanyi dalam bahasa etnik semasa perayaan Pesta Kaamatan di Sabah. Selain daripada memelihara warisan budaya, secara tidak langsung aktiviti-aktiviti seperti ini membantu dalam pengkomersialkan produk perayaan rakyat yang terdapat di Malaysia. Pertandingan Sugandoi misalnya, kebanyakannya peserta yang turut sama bertanding adalah datang daripada latar belakang etnik yang berbeza dan membawakan lagu daripada pelbagai bahasa etnik yang berbeza yang terdapat di Sabah. Perkara ini sekali gus memberi gambaran yang unik berkenaan hubungan harmoni pelbagai etnik yang terdapat di negeri Sabah. Pertandingan ini secara tidak langsung menghargai pemuzik-pemuzik yang terdiri daripada pelbagai etnik yang telah berkerja keras dalam menghasilkan karya muzik mereka.

#### *Perayaan rakyat dan industri pertanian tradisional*

Industri pertanian sememangnya mempunyai hubungan yang khusus dengan pengekalan keharmonian masyarakat terutamanya bagi masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman dan luar bandar. Hal ini demikian kerana sambutan perayaan rakyat yang bertemakan pertanian tradisional mempunyai nilai simboliknya yang tersendiri yang sering dikaitkan dengan semangat perpaduan atau hubungan harmoni dalam kalangan ahli masyarakat yang menyambut perayaan tradisional tersebut. Bermula dari sebuah acara ritual pertanian tradisional sehingga ke perayaan untuk meraikan hasil kutipan pertanian; perayaan rakyat yang dilakukan, tersebut sememangnya mempunyai hubungan rapat dengan sektor pertanian dan hubungan harmoni antara ahli masyarakat.

Di India misalnya, perayaan 'Chagramiswa' ialah salah satu perayaan paling popular bagi suku Tiwa, yang disambut pada musim bunga (Phukan & Borah, 2020). Memandangkan suku kaum Tiwa kebanyakannya adalah petani, semua pameran dan perayaan yang disambut oleh mereka mempunyai konteks yang lebih dekat dengan pertanian. Sepanjang tahun mereka berdoa kepada Tuhan dan Dewi pertanian yang berbeza, supaya, mengekalkan pengeluaran pertanian mereka tanpa sebarang bahaya daripada serangan serangga dan juga haiwan liar. Mereka menyambut tiga perayaan Bihu secara tradisional. Mereka menyembah 'Kharsong' sebelum memulakan kerja pertanian mereka. Pada masa yang sama dalam pelbagai peringkat pertanian seperti memulakan penanaman benih, memungut padi atau gandum, memproses padi baru untuk digunakan sebagai makanan, mereka berdoa kepada 'Dewi Lakhimi' agar menjaga pertanian mereka. Sehubungan dengan itu mereka menyambut perayaan 'Yangli Puja' mengikut adat tradisi mereka. Sebagai sebuah perayaan pertanian, orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat mengambil bahagian dalam perayaan ini. Ia disambut pada musim bunga iaitu sekitar bulan Februari dan Mac setiap tahun. Makna etimologi perkataan 'Chagra' bermaksud 'semua' dan 'miswa' bermaksud 'menari'. Ia bermaksud tarian bagi semua orang yang mengambil bahagian dalam perayaan tersebut. Dengan kata lain, 'Chagra' ialah 'dewi tarian dan mereka meraikan perayaan ini untuk menggembirakan Dewi mereka (Pator, 2013) bersama pelbagai ahli masyarakat.

Dalam konteks perayaan rakyat di Malaysia, sektor pertanian tradisional turut mempunyai perayaan rakyatnya yang tersendiri. Misalnya Pesta Kaamatan iaitu perayaan rakyat yang disambut sebagai satu bentuk perayaan selepas tamatnya musim menuai padi dalam masyarakat Kadazan Dusun, Murut, Rungus (KDMR) di Sabah. Perayaan rakyat ini mempunyai dampak yang amat besar sebagai tapak integrasi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Oleh kerana impaknya yang begitu besar dan penting kepada ahli komuniti orang asal di Sabah, perayaan Hari Kaamatan diiktiraf oleh pihak kerajaan Malaysia sebagai cuti umum di Sabah. Perayaan Hari Keaamatan ini di sambut meriah di seluruh daerah di Sabah merupakan sambutan sebuah perayaan rakyat. Walaupun sambutan perayaan ini mempunyai unsur animisme iaitu percaya kepada semangat padi, namun ianya telah menjadi perayaan yang yang universal, yang sudah sebatik dalam kehidupan masyarakat orang asal di Sabah. Dengan adanya sambutan perayaan Pesta Kaamatan ini, adat dan ritual pertanian tradisional dalam kepercayaan masyarakat Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus (KDMR) masih terpelihara sehingga ke hari ini. Sambutan perayaan rakyat dalam industri pertanian tradisional ini mempunyai sumbangan yang amat signifikan dalam memastikan hubungan harmoni samada dalam atau antara sesbuah kelompok masyarakat orang asal tersebut tersebut terjaga dan terpelihara.

#### 4. Sambutan Perayaan Rakyat dan Implikasinya Terhadap Hubungan Harmoni Antara Etnik di Malaysia

Secara umumnya, sebagai sebuah negara yang memiliki penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum, Malaysia mempunyai peluang yang sangat luas untuk menjadikan perayaan rakyat sebagai sebuah wadah pengukuhan hubungan harmoni masyarakat majmuk di negara ini. Sambutan perayaan rakyat merupakan salah satu perayaan tradisi yang diwarisi sejak turun temurun yang sememangnya telah menjadi resepi kepada pengukuhan perpaduan kaum yang dikecapi Malaysia selama ini. Misalnya sambutan perayaan kebudayaan dan hari perayaan rakyat tertentu seperti Pesta Kaamatan di Sabah, Sambutan Hari Gawai di Sarawak, Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali disambut dan dirayakan oleh seluruh masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan etnik ini. Walau bagaimanapun, dalam situasi lain penjenamaan dan pengantarabangsaan perayaan rakyat yang lainnya di negara ini perlu diperkuuh lagi kerana masih banyak perayaan rakyat berskala kecil yang lain yang kurang di beri perhatian dan promosi meluas seperti Pesta Jagung dan Pesta Lokan di Sabah sangat berpotensi untuk dibangunkan menjadi tapak kesepaduan sosial khususnya bagi orang asal di Sabah dan masyarakat Malaysia amnya.

Melihat kepada keperluan suntikan yang drastik kepada promosi dan penjenamaan sambutan perayaan rakyat di Malaysia, Negeri Sabah mempunyai potensi yang besar untuk menjadi peneraju kepada hasrat ini. Ini kerana terdapat pelbagai sambutan perayaan rakyat di Sabah. Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaiannya budayanya yang tersendiri. Malah, menurut mantan Ketua Menteri Sabah Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman “Perpaduan dan kepelbagaiannya suku kaum, budaya serta kepercayaan agama di Sabah adalah aset penting yang perlu terus dipelihara dan dipertahankan oleh rakyat negeri ini pada setiap masa” (Borneo Today, 2 Mei 2017). Melihat kepada kepentingan pengekalan budaya sebagai salah satu daya tarikan yang unik yang terdapat di Sabah, penelitian yang lebih mendalam berkenaan perayaan rakyat perlulah dilakukan dengan segera. Ini kerana kajian berkenaan hubungan etnik di negeri ini perlu mengambil kira peranan sambutan perayaan rakyat sebagai faktor yang boleh menentukan hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan kaum di Sabah. Tambahan lagi, sejak awal 1980-an lagi menyaksikan banyak perayaan rakyat seperti Pesta Kelapa, Pesta Jagung, Pesta Magahau dan Pesta Gong dan sebagainya disambut di seluruh Sabah (Rosmi et al., 2020).

Penelitian terhadap motivasi penyertaan ahli masyarakat dalam sesebuah perayaan rakyat mempunyai perkaitan dengan hubungan harmoni antara etnik di Sabah atau di Malaysia amnya. Data berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi kunjungan masyarakat ke sesebuah perayaan rakyat boleh dikenal pasti melalui penelitian yang sistematik ini. Tambahan lagi, perayaan rakyat turut memberi pengaruh yang amat besar terhadap perkembangan dan kemajuan pelbagai sektor ekonomi termasuklah pelancongan, hiburan, pertanian tradisional dan sebagainya. Justeru itu, peluang serampang dua mata ini perlulah digunakan sepenuhnya oleh pihak kerajaan dan ahli masyarakat di Malaysia bagi mempelbagaikan sumber pendapatan melalui sambutan perayaan rakyat dan mengukuhkan lagi hubungan harmoni antara ahli masyarakat yang pelbagai etnik tersebut. Di sisi lain kajian literatur ini secara tidak langsung telah memperlihatkan bahawa impak perayaan rakyat terhadap hubungan harmoni di Sabah khususnya dan di Malaysia umumnya adalah amat signifikan. Oleh itu, peluang untuk membangunkan perayaan rakyat sebagai satu kaedah dalam menggalakan hubungan harmoni masyarakat majmuk dan seterusnya menyumbang kepada kesepadan sosial dan perpaduan nasional di Malaysia perlulah diberi perhatian serius oleh kita semua.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa perayaan rakyat merupakan satu entiti dan elemen budaya yang amat penting dalam konteks mencapai keharmonian hubungan etnik masyarakat majmuk di Malaysia. Bagi menilai sejauh mana perayaan rakyat ini boleh memberi impak terhadap hubungan harmoni, dimensi motivasi perlulah diambil kira. Ini kerana peranan perayaan rakyat dalam hasrat mencapai hubungan harmoni antara kumpulan etnik yang pelbagai adalah amat signifikan demi hasrat kita mencapai perpaduan nasional. Perayaan rakyat bukan sahaja memberi faedah kepada peningkatan pendapatan dan ekonomi kepada ahli masyarakat dan negara seperti dalam sektor pelancongan dan pertanian tetapi yang lebih utama dalam konteks kajian ini adalah sumbangannya terhadap pengukuhan hubungan harmoni dan persefahaman dalam masyarakat. Justeru itu, adalah amat wajar jika pemahaman berkenaan konsep perayaan rakyat ini dapat diterokai dengan kajian yang lebih sistematis dan saintifik. Ini kerana faedah atau manfaatnya terhadap memahami hubungan harmoni masyarakat dan perpaduan kaum dapat ditingkatkan dari masa ke semasa. Akhir kata, perayaan rakyat bukan sekadar menjadi tatapan pelancong semata-mata tetapi ia juga boleh menjurus dan menyokong kepada kemakmuran ekonomi dan merupakan platform penting kepada hubungan harmoni dan kesejahteraan masyarakat Malaysia.

**Penghargaan:** Terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah kerana telah memperuntukkan Skim Geran Dana Khas SDK0328-2019 bagi menjalankan dan menjayakan kajian ini.

**Persetujuan Termaklum:** Persetujuan telah di perolehi daripada semua individu atau subjek yang menyertai kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Artikel ini tiada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong, (2018). Ethnicity and Class: Divides and Dissent in Malaysian Studies. *Southeast Asian Studies*. Vol. 7. No. 3. 281-307. DOI:10.20495/seas.7.3\_281 @Center for South Asian Studies, Kyoto University.

- Báez, A., & Devesa, M. (2014). Segmenting and profiling attendees of a film festival. *International Journal of Event and Festival Management*.
- Brauner, C. A. (1983). *A Study of the Newport Folk Festival and the Newport Folk Foundation* (Doctoral dissertation, Memorial University of Newfoundland).
- Crompton, J. L., & McKay, S. L. (1997). Motives of visitors attending festival events. *Annals of tourism research*, 24(2), 425-439.
- Davis, R. (2010). *Festivals and Folklife: Project Planning for Cultural Festivals: An Introductory guide*. Memorial. University of Newfoundland: England.
- Dodds, R., Jenkins, B., Smith, W. W., & Pitts, R. E. (2019). They do pay! Event merchandise attributes that affect sales and profits at a folk festival. *International Journal of Hospitality and Event Management*, 2(2), 95-108.
- Dorson, Richard M. (1976). "Oral JAterature, Oral History, and the Folklorist," *Folklore and Fakelore: Essays Toward a Discipline of Folk Studies*. Cambridge: Harvard University Press.
- Falassi, A. (1987). Festival: Definition and morphology. *Time out of Time: Essays on the Festival*, 1.
- Jessica Low Peck Yee. (1990). *Perubahan Pucuk Pimpinan di Sabah*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera. Jabatan Antropologi dan Sosiologi; Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Kõmmus, H. (2019). How the Concepts of Folk Music Emerge: The Terminology of Folk Music Festivals. *Etnomusikologian vuosikirja*, 31, 112-142.
- Kruger, M., & Saayman, M. (2016). A 3E typology of visitors at an electronic dance music festival. *International Journal of Event and Festival Management*.
- Kurin, R. (1994). The Festival: making culture public. *Festival of American Folklife Booklet*, 6-11.
- Lee, K. Y., & Lee, H. (2019). Traditional costume experience at a cultural heritage festival. *Tourism Management Perspectives*, 32, 100555.
- Maráková, V., Ďad'o, J., Táborecká-Petrovičová, J., & Rajic, T. (2018). Visitors' motivation for attending traditional cultural events as the basis for market segmentation: evidence from Slovakia. *Acta Universitatis Agriculturae et Silviculturae Mendelianae Brunensis*, 66(2), 543-551.
- Moe, J. F. (1977). *Folk Festivals and Community Consciousness: Categories of the Festival Genre*. Indiana University
- Özbilgin, M. Ö., & Mellish, L. (2018). *The Cultural Development of Folk Dance Festivals and the Sustainability of Tradition*.
- Phukan, P., & Borah, B. (2020). Chagramisawa: The Popular folk-festival of the Tiwa. *Gorteria Journal. Volume 33, Issue 12 – 2020*
- Romzi A., Totu, A., Ling, J. W. K., Tibok, R. P., & Gansau, J. (2020). Preserving Native Culture Through Traditional Costumes And Textiles: The Case Of The Rungus Community In Sabah, Malaysia. *transformation*, 29(8s), 3994-3998.
- Seligman, E. R., & Johnson, A. (1937). Encyclopedia of the. *Social Sciences, III, VI, XIV*. New York: The Macmillan Co.
- Sharifah Darmia Binti Sharif Adam. (2020). Pengaruh Budaya dalam Keharmonian Etnik di Sabah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)* – Dalam Talian 24 & 25 November 2020. e-ISBN: 978 967 2122 78 4
- Shchelkina, E. A. (2016). Modern Forms of Folk Festival and Folk Cultural Traditions. *Journal of Siberian Federal University. Humanities & Social Sciences* 6 (2016 9) 1513-1520

- Smith, R. J. (1972). Festivals and Celebrations. *Folklore and Folklife: An Introduction*, 159-72.
- Stephen, W. G., & Brigham, J. C. (1985). Intergroup contact [Special issue]. *Journal of Social Issues*, 41(3), 1-179.
- Tien, N. N., Thanh, T. T. C., & Le Hang, N. T. (2019). Determinants and Solutions for Improving the Efficiency of Tourism Business. *American Journal of Theoretical and Applied Business*, 5(1), 14-19.
- Turner, V. (1977). In and Out of Time: Festivals, Liminality, and Communitas. Dlm Smithsonian Institution. (1978). *1978 Festival of American Folklife*, 7-8. Diakses melalui <https://folklife-media.si.edu/docs/festival/program-books/FESTBK1978.pdf> pada 28 April 2022.
- Wang, Y. (2021). When Tradition Meets Modernity—The Contemporary Changes of the "Sanyuesan" Festival of She Ethnic Group in Jingning, Zhejiang Province. *รายงานการป/ร&ชุม วิชาการ เสนอ ผลงาน วิจัย ระดับ ชาติ และ นานาชาติ*, 1(14), 201.
- Yolal, M., Woo, E., Cetinel, F. and Uysal, M. (2012). Comparative research of motivations across different festival products. *International Journal of Event and Festival Management*, 3, pp. 66-80.